

# Kertas Bil. 8/2024



---

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI  
AGENSI, BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT  
KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS) BAGI DEWAN NEGERI  
SELANGOR BERHUBUNG PROJEK *SELANGOR*  
*MARITIME GATEWAY (SMG)***

---

# KANDUNGAN

BIL	PERKARA	HALAMAN
1	Pendahuluan	1
2	Latar Belakang	1
3	Keterangan	3
4	Penemuan Jawatankuasa	5
5	Saranan Jawatankuasa	5
6	Perakuan	6

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI  
AGENSI, BADAN BERKANUN, DAN ANAK SYARIKAT NEGERI SELANGOR (JP-ABAS)  
BERHUBUNG PROJEK SELANGOR MARITIME GATEWAY (SMG)**

---

**1. PENDAHULUAN**

- 1.1. Selaras dengan Peraturan 68C (1) – (2) dibaca bersama dengan Peraturan 68 (2) – (5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor mengenai Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun, Dan Anak Syarikat Negeri Selangor (JP-ABAS) dan menurut Peraturan Tetap 76 (1) – (6) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Penyata daripada Jawatankuasa Pilihan, maka Penyata ini disediakan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Kedua Penggal Kedua, Dewan Negeri Selangor Kelima Belas Tahun 2024 pada 04 Julai 2024 - 18 Julai 2024.

**2. LATAR BELAKANG**

- 2.1. Dalam mesyuarat Bil. 3/2024 Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Negeri Selangor (JP-ABAS) yang bertarikh 29 Januari 2024, Jawatankuasa mengambil maklum mengenai operasi pembersihan Sungai Klang yang dilaksanakan oleh sebuah anak syarikat negeri, Landasan Lumayan Sendirian Berhad (LLSB).

Antara isu yang dibangkitkan adalah; keberkesanan operasi pembersihan sungai yang dijalankan, sumber pendanaan operasi, penjualan tanah rizab sungai kepada pihak ketiga, dan inisiatif-inisiatif Kerajaan Negeri di bawah Projek Selangor Maritime Gateway (SMG).

Jawatankuasa bersetuju untuk mendapatkan penjelasan dari wakil pihak Menteri Besar Selangor Incorporated (MBI) mengenai isu ini.

- 2.2. Dalam mesyuarat Bil. 4/2024 yang bertarikh 19 Februari 2024, pihak MBI telah memberikan penerangan tertutup kepada Jawatankuasa.
- 2.3. Dalam mesyuarat Bil. 6/2024 yang bertarikh 1 April 2024, Jawatankuasa memutuskan untuk membuat lawatan ke tapak operasi projek SMG.
- 2.4. Ahli-ahli JP-ABAS telah melawat ke tapak operasi mesin Interceptor 002, Interceptor 005, dan Log Boom Sungai Pinang, yang bertempat di sepanjang Sungai Klang pada hari Isnin, 22 April 2024 jam 10.00 pagi untuk meninjau

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI  
AGENSI, BADAN BERKANUN, DAN ANAK SYARIKAT NEGERI SELANGOR (JP-ABAS)  
BERHUBUNG PROJEK SELANGOR MARITIME GATEWAY (SMG)**

---

operasi pembersihan sungai yang dijalankan oleh Landasan Lumayan Berjaya Sendirian Berhad (LLBSB).

Lawatan ini disusuli dengan satu sesi taklimat di Pejabat LLSB.

2.5. Ahli Jawatankuasa yang terlibat adalah:

- 2.5.1. YB Tuan Rajiv A/L Rishyakaran  
(N34 Bukit Gasing)
- 2.5.2. YB Tuan Ong Chun Wei  
(N27 Balakong)
- 2.5.3. YB Tuan Cheong Kian Young  
(N25 Kajang)
- 2.5.4. YB Tuan Abbas Salimmi Bin Che Adzmi@Azmi  
(N29 Seri Serdang)
- 2.5.5. YB Tuan Dr. Afif Bin Bahardin  
(N33 Taman Medan)
- 2.5.6. YB Dato' Noorazley Bin Yahya  
(N10 Bukit Melawati)
- 2.5.7. YB Tuan Nushi Bin Mahfodz  
(N24 Semenyih)

2.6. Pegawai-pegawai berikut telah memberikan penerangan kepada Jawatankuasa:

- 2.6.1. Menteri Besar Selangor Incorporated (MBI)
- 2.6.2. Landasan Lumayan Sdn Bhd
- 2.6.3. Landasan Lumayan Berjaya Sdn Bhd
- 2.6.4. Berjaya Land Berhad

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI  
AGENSI, BADAN BERKANUN, DAN ANAK SYARIKAT NEGERI SELANGOR (JP-ABAS)  
BERHUBUNG PROJEK SELANGOR MARITIME GATEWAY (SMG)**

---

**3. KETERANGAN**

- 3.1. Zon Pembangunan Ekonomi SMG (ZPE SMG) adalah sebahagian daripada inisiatif Selangor Maritime Gateway (SMG). Ia bakal menjadi koridor pelaburan pertama di Malaysia yang mengiktiraf sungai sebagai penjana ekonomi.
- 3.2. ZPE SMG merupakan projek utama di bawah Rancangan Selangor Pertama (RS-1) 2021-2025 untuk mempercepatkan pertumbuhan ekonomi di Selangor dengan memanfaatkan laluan air yang juga lokasi dua pelabuhan utama- Westports dan Northport.
- 3.3. Zon baharu ini meliputi lebih 27,900 hektar tanah dari Mid Valley di Kuala Lumpur hingga ke muara sungai dan pulau-pulau berdekatan Pelabuhan Klang dengan melibatkan 6 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- 3.4. 88,000 ekar tanah di sepanjang Sungai Klang telah diperuntukkan bagi menjadikan Bandar Klang sebagai Eco Smart City. Projek ini akan menggalakkan pembangunan ekonomi dari segi perdagangan, hospitaliti, pelancongan, perumahan dan industri perkhidmatan.
- 3.5. LLBSB memaklumkan Projek pembangunan SMG mempunyai 5 tapak di sepanjang Sungai Klang yang akan dibangunkan sebagai kawasan pembangunan tersebut iaitu itu projek Pangkalan Batu Urban Park, Mangrove Point, Grand Bazaar, Cultural Village & Retreat Resort dan Community River Park dengan keluasan tanah seperti berikut:
- |        |                                   |            |
|--------|-----------------------------------|------------|
| 3.5.1. | Pangkalan Batu Urban Park         | 16.00 ekar |
| 3.5.2. | Mangrove Point                    | 70.76 ekar |
| 3.5.3. | Grand Bazaar                      | 33.91 ekar |
| 3.5.4. | Cultural Village & Retreat Resort | 35.50 ekar |
| 3.5.5. | Community River Park              | 98.00 ekar |
- 3.6. Bagi tujuan pembersihan sungai, LLBSB mempunyai 2 mesin Interceptor dan 7 log boom di sepanjang Sungai Klang dan Log Boom di Sungai Kandis dan

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI  
AGENSI, BADAN BERKANUN, DAN ANAK SYARIKAT NEGERI SELANGOR (JP-ABAS)  
BERHUBUNG PROJEK SELANGOR MARITIME GATEWAY (SMG)**

---

Sungai Pinang adalah log boom yang paling banyak mempunyai sampah sehingga April 2024.

- 3.7. LLBSB dalam perbincangan bersama The Ocean CleanUp untuk memindahkan lokasi interceptor 005 ke kawasan hulu sungai untuk memastikan interceptor berikut berfungsi dengan lebih berkesan dalam mengeluarkan sampah.
- 3.8. Semua sampah yang terkumpul di Log Boom dan interceptor akan dikutip oleh kontraktor yang telah dilantik oleh pihak LLBSB, 6 hari dalam seminggu dari 8.00 Am sehingga 8.00 Pm
- 3.9. Pihak LLBSB menjelaskan kepada Jawatankuasa berkaitan Log Boom Sungai Delek mempunyai banyak sampah yang terkumpul kerana modus operandi pengutipan sampah di kawasan tersebut bergantung pada pasang surut dan hanya dilakukan dua kali sehari sewaktu air pasang sahaja.
- 3.10. Sehingga sekarang, pihak LLBSB belum menetapkan sebarang Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi pengutipan sampah di sepanjang Sungai Klang seperti yang ada di dalam Memorandum Persefahaman (MoU) The Ocean Cleanup.
- 3.11. LLBSB menjelaskan hanya sedikit program yang mampu dilakukan bagi projek Rekreasi dan Pelancongan seperti River Educational Trip dengan kerjasama persatuan nelayan.
- 3.12. LLBSB lebih fokus kepada mandat yang diberi oleh Kerajaan Negeri iaitu:
  - 3.12.1. Membersihkan dan memulihkan keadaan Sungai Klang daripada kotor menjadi bersih.
  - 3.12.2. Menjadikan tanah di sepanjang Sungai Klang yang sebelum ini menjadi tempat pembuangan sampah dan sisa secara haram kepada projek pembangunan .
  - 3.12.3. Menjadikan Sungai Klang sebagai sumber bekalan air mentah untuk Negeri Selangor.

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI  
AGENSI, BADAN BERKANUN, DAN ANAK SYARIKAT NEGERI SELANGOR (JP-ABAS)  
BERHUBUNG PROJEK SELANGOR MARITIME GATEWAY (SMG)**

---

- 3.13. Projek Mangrove Point telah dilancarkan pada Julai 2023 dan sudah menerima 7000 pelawat sehingga April 2024.

**4. PENEMUAN JAWATANKUASA**

- 4.1. Jawatankuasa mendapati yang model operasi pembersihan sungai sedia ada yang dibiayai oleh melalui kutipan premium tanah adalah tidak mampan untuk jangka masa panjang.
- 4.2. Jawatankuasa juga mendapati yang tidak ada mana-mana agensi kerajaan yang bertanggungjawab untuk kerja-kerja mengeluarkan sampah dari sungai.

**5. SARANAN JAWATANKUASA**

- 5.1. Jawatankuasa menyarankan pihak Kerajaan Negeri untuk menggunakan bajet mengurus untuk perbelanjaan berkala yang dijangka akan dijalankan secara konsisten setiap tahun untuk memastikan sungai Klang sentiasa berada dalam keadaan bersih. Kaedah perbelanjaan ini adalah lebih mampan dalam jangka panjang untuk kerja-kerja pembersihan sungai. Jika kerajaan bergantung dengan kerja-kerja pembersihan yang dijalankan oleh syarikat pemaju yang bersumberkan daripada pembangunan tanah-tanah di tebing sungai, akan tiba satu masa di mana tanah yang boleh dikurniakan akan habis dan aktiviti pembersihan sungai akan terhenti akibat ketiadaan dana.
- 5.2. Jawatankuasa menyarankan pihak Kerajaan Negeri untuk memberikan mandat kerja-kerja pengeluaran sampah sarap dari sungai kepada satu agensi beserta dengan sumber yang diperlukan. Agensi tersebut boleh melantik kontraktor secara tender terbuka.

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI  
AGENSI, BADAN BERKANUN, DAN ANAK SYARIKAT NEGERI SELANGOR (JP-ABAS)  
BERHUBUNG PROJEK SELANGOR MARITIME GATEWAY (SMG)**

---

**6. PERAKUAN**

Jawatankuasa ini ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua wakil agensi/individu yang telah mengemukakan keterangan serta semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan penyediaan penyata ini. Jawatankuasa berharap hubungan baik dapat dikekalkan di samping meningkatkan prestasi kecemerlangan dalam menjalankan fungsi dan peranan masing-masing.

Penyata ini dibincang dan diluluskan oleh dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Mengenai Agensi, Badan Berkanun, Dan Anak Syarikat Negeri Selangor (JP-ABAS) Bil. 8/2024 pada 29 Mei 2024.

Disahkan oleh:



.....  
**Y.B. Tuan Rajiv A/L Rishyakaran**

Pengerusi

Jawatankuasa Pilihan mengenai Agensi, Badan Berkanun, Dan Anak Syarikat (JP-ABAS)  
Dewan Negeri Selangor